


NAMA: _____ KELAS: _____

SAINS TAHUN 6

UNIT 7: KELAJUAN


Murid-murid diminta untuk menonton video ini sebelum menjawab soalan di bawah.



MENGIRA KELAJUAN

LATIHAN

A. Rajah di bawah menunjukkan masa yang dicatatkan oleh dua orang murid dalam satu acara lumba lari 100 meter.



(a) (i) Nyatakan nama murid yang berlari lebih laju.

(a) (ii) Berikan sebab.

(b) Wong turut berlumba dengan Dev dan Salim. Dia tiba di garisan penamat selepas berlari selama 20 saat.

(i) Hitungkan kelajuan bagi Wong.

(ii) Tuliskan kedudukan murid-murid itu di atas podium semasa upacara penyampaian pingat.



(iii) Berdasarkan jawapan kamu di (b) (ii), nyatakan perhubungan antara kelajuan, jarak dan masa larian murid-murid tersebut.

B. Selesaikan masalah-masalah berikut menggunakan rumus bagi kelajuan.


(a) Seekor semut bergerak sejauh 60 cm dalam 15 saat. Hitung kelajuan semut itu.

(b) Seorang pelumba basikal mengayuh dengan kelajuan 30 km/j. Hitung jarak yang dilalui jika dia mengayuh selama 5 jam.

C. Maklumat berikut menerangkan kelajuan tiga jenis kenderaan.

Kenderaan	Kelajuan (m/s)
Motosikal	50
Basikal	25
Kereta	70

(a) Labelkan graf palang berikut untuk mewakili maklumat di atas.



(b) Berdasarkan graf palang, kenderaan manakah bergerak

(i) paling laju?

(ii) paling perlahan?

(b) Ketiga-tiga kenderaan itu digunakan untuk bergerak sejauh 30 km. Susun kenderaan itu daripada yang paling cepat sampai ke destinasi kepada yang paling lambat.

 → →